

Harun mahu badan beruniform UMS diberi peranan mulai Sept ini

NST 22.07.2012 6

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah mahu supaya badan-badan beruniform universiti itu diberikan peranan mengendalikan hal ehwal keselamatan dalam kampus mulai sesi pengajian akademik Sept ini.

Beliau berkata, ini penting bagi memberikan keyakinan dan meningkatkan daya kepimpinan anggota badan-badan beruniform berkenaan.

“Saya meminta supaya badan-badan beruniform UMS diberikan peranan mengendalikan hal ehwal keselamatan dalam kampus mulai September ini.

“Kita mahu anggota badan beruniform berkenaan dapat dilibatkan dengan tanggungjawab mengendalikan aspek keselamatan sebagai salah satu proses pembentukan diri pelajar institusi pengajian tinggi,” katanya, dalam satu kenyataan, di sini, kelmarin.

Dr. Harun berkata, UMS ketika ini mempunyai tiga badan beruniform iaitu Kor Sispa, Palapes (ketenteraan) dan Suksis (Kepolisian).-OLEH MARRYAN RAZAN